



## GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT SECARA MENEGAK

1. **“Pemindahan Kredit Secara Menegak”** ertinya jumlah kredit yang dikecualikan bagi seseorang pelajar daripada mengambil semula kursus yang setara yang telah diambil daripada institusi pascapendidikan menengah yang telah mendapat kelulusan Fakulti. Pemindahan Kredit Secara Menegak juga dipanggil pengecualian kredit.
2. Kursus yang diluluskan akan diberikan gred **Pindah Kredit (PK)**. Gred PK diambil kira sebagai sebahagian dari jumlah kredit bagi tujuan pengijazahan tetapi tidak dikira dalam Purata Nilai Gred Semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).
3. Syarat pemindahan kredit secara menegak adalah seperti berikut:
  - a. Kategori pelajar dalam Skema Pengecualian Kredit adalah Pelajar yang khusus mengambil kursus di peringkat Diploma/setaraf dan Diploma Lanjutan;
  - b. Hasil pembelajaran dan kandungan kursus yang setara dalam kedua-dua program mestilah mempunyai persamaan tidak kurang dari 80%;
  - c. Perbezaan magnitud kredit yang hendak dipindahkan itu tidak melebihi 10% daripada kursus setara yang ada di UKM. Oleh kerana takrif kredit mungkin berbeza-beza dari satu institusi dengan institusi yang lain, perbandingan magnitud kredit boleh dilakukan melalui Masa Pembelajaran Pelajar (MPP). Jika MPP tidak dapat ditentukan, jumlah kredit untuk menamatkan pengajian boleh digunakan untuk melakukan perbandingan;
  - d. Kredit yang dipindahkan hendaklah daripada program yang mendapat akreditasi daripada MQA, badan profesional berautoriti atau agensi jaminan kualiti di negara berkenaan;
  - e. Pelajar berkenaan mendapat gred tidak kurang dari C atau yang setara dengannya;
  - f. Kursus berkenaan tidak melebihi 5 tahun dari tarikh permohonan;
  - g. Kredit yang dipindahkan secara menegak tidak boleh melebihi 50% (kelayakan diploma) daripada jumlah beban kredit sesuatu program tertakluk kepada ketetapan berikut:

Peratus Pindah Kredit (%)	Gred Minimum Kursus
1 hingga 30	C
31 hingga 50	B

**\*kelulusan Mesyuarat Senat ke-467 bertarikh 15 Julai 2020**

- h. Kelayakan Diploma Lanjutan (Tahap 5 MQF) yang turut memiliki Diploma (Tahap 4 MQF) boleh dipertimbangkan pindah kredit sehingga maksimum dua (2) tahun pengajian di peringkat Sarjana Muda.
4. Borang permohonan untuk pemindahan kredit secara menegak [Borang UKM/PPPS/B/P03/AK07/2 (Semakan 8)] boleh diperolehi melalui capaian di SMPweb pelajar. Borang ini perlu dikemukakan kepada Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat **selewat-lewatnya pada minggu ke-4 semester pertama sesi pembelajaran bermula** bersama dengan perkara dibawah:
  - a. Salinan resit bayaran wang proses sebanyak RM100.00 atas nama Bendahari UKM

- b. Mengemukakan transkrip atau keputusan peperiksaan Diploma berkenaan yang telah disahkan bersama sinopsis/kandungan kursus dari mana-mana IPTA/IPTS dalam dan luar negara yang diiktiraf untuk semakan
5. Fakulti/Pusat berhak menetapkan atau mengenakan syarat-syarat tertentu untuk pelajar, jika perlu dalam bentuk temu duga atau peperiksaan khas;
6. Permohonan pemindahan kredit perlu **disahkan oleh Mesyuarat Fakulti** setelah mendapat perakuan jawatankuasa khas yang ditetapkan. Keputusan permohonan akan dimaklumkan terus kepada pelajar oleh Fakulti / Pusat selepas disahkan Mesyuarat Fakulti.
7. Kursus yang telah diluluskan pemindahan kredit **tidak boleh ditarik balik oleh pelajar**.

Pusat Pengurusan Akademik  
18-09-2020

## CARTA ALIR PEMINDAHAN KREDIT MENEGAK

